

13/09/2003

`Saya serba salah jadi isteri PM'

Halina Mohd Noor

"BERGELAR isteri kepada seorang Perdana Menteri ada kalanya membuatkan saya serba salah. Tidak tahu sama ada perlu berdiri atau tidak, bertepuk atau sebaliknya ketika tetamu lain menunjukkan penghargaan kepada Dr Mahathir. Beliau adalah Perdana Menteri dan juga suami saya," kata wanita pertama, Datin Seri Dr Siti Hasmah ketika diwawancara oleh Ezzah Aziz Fawzy, dalam rancangan menarik bertajuk Retrospektif... Dr Siti Hasmah.

Rancangan yang bakal ke udara di TV3 pada esok dan 21 September ini bermula dari 9 malam selama 30 minit.

Ia dibahagikan kepada dua episod yang mencungkil kisah kegigihan wanita yang menjadi teman setia di sisi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Melalui program ini, penonton berpeluang mengenali siapakah wanita bernama Dr Siti Hasmah yang lemah lembut, penyayang, prihatin dan cekal - menepati ungkapan `di sisi setiap suami yang berjaya ialah seorang isteri'.

Wanita pertama ini turut meluahkan rasa terkilannya kerana sepanjang bergelar isteri Perdana Menteri, beliau tidak dapat berada di sisi anak ketika dirinya diperlukan.

"Ini adalah perkara yang paling saya kesalkan. Jika ibu bapa lain sanggup terbang ke London untuk berada di sisi anak menjelang peperiksaan, saya pula tidak dapat berbuat demikian," katanya.

Melalui mini dokumentari ini, Dr Siti Hasmah turut mengimbuai kembali nilai asuhan murni yang diterima daripada keluarga, alam persekolahan, zaman pendidikan, peranan serta pengorbanannya sebagai ibu, isteri, wanita pertama dan sumbangannya dalam pembangunan serta kebajikan masyarakat.

Krew penerbitan rancangan ini juga berpeluang menemuramah beliau dan Dr Mahathir di kediaman rasmi Sri Perdana, sayap bahagian persendirian yang didiami pasangan ini.

Penonton juga berpeluang melihat kemahiran Dr Siti Hasmah bermain piano serta kenangan ketika beliau menjamu makan tengah hari kedua-dua kakak iparnya yang menziarahi mereka dari Kedah.

Retrospektif... Dr Siti Hasmah turut memaparkan gambar lama dan wajah beliau ketika kanak-kanak dan gadis.

Sikap dan personaliti dari sudut pandangan kakak, adik, rakan sekolah dan universiti turut dirakamkan.

Kisah Dr Siti Hasmah ketika menuntut di kolej perubatan King Edward ke VII, College of Medicine yang kemudian dikenali sebagai Fakulti Perubatan Universiti Malaya di Singapura (1949) juga mendapat liputan.

Daripada 76 pengambilan pelajar, beliau adalah pelajar wanita Melayu tunggal daripada 10 wanita yang terpilih ketika itu (1947) dan menjadikan beliau wanita Melayu kedua memasuki bidang perubatan.

Paling menarik, Dr Mahathir juga akan mendedahkan kisah percintaan mereka yang akhirnya membawa ke jinjang pelamin. Rancangan ini akan menyingkap detik perkenalan beliau.

"Ketika itu tidak ada pilihan lain kerana Dr Siti Hasmah saja wanita Melayu yang ada di situ ketika itu," kata Dr Mahathir selamba ketika ditanya apa yang membuatnya jatuh hati kepada wanita pertama itu.

Kata rakan yang ditemubual, awalnya hubungan kedua-dua pasangan ini tidak begitu digemari oleh teman lain tetapi lama-kelamaan ia diterima oleh semua.

Episod kedua pula memfokuskan pengorbanan peribadi beliau yang terpaksa dilakukan sepanjang bergelar wanita pertama yang perlu bijak menguruskan masa sebagai ibu dan isteri Perdana Menteri. Temuramah bersama anak sulungnya, Marina dan anak bongsunya, Mukhriz turut dilakukan bagi mencungkil kisah bagaimana ibu mereka kadang-kadang terpaksa memilih di antara keutamaan anak dan suami yang memerlukan kehadirannya.

Kekuatan yang diperoleh Dr Siti Hasmah dalam menempuhi pahit getir sepanjang kerjaya suami di samping sokongan dan kesetiaan tidak berbelah bagi seharusnya dijadikan ikutan isteri lain.

Program terbitan Faridah Talib ini juga menyelitkan harapan beliau terhadap rakyat Malaysia pada masa akan datang.